

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN NEGARA, MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **YB TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI  
MOHD FAKEH**

**KAWASAN** : **SABAK BERNAM**

**TARIKH** : **10 JUN 2015 (RABU)**

**NO. SOALAN** : **78**

YB TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [ SABAK BERNAM ] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan langkah dan program Kerajaan sebagai pengerusi ASEAN bagi meningkatkan kerjasama dan integrasi dalam bidang perdagangan dan industri (*trade and industry*) di kalangan negara ASEAN termasuk projek kereta ASEAN, pembangunan keusahawanan dan sebagainya.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Pada tahun ini, Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN mempunyai tanggungjawab yang sangat besar dalam memastikan pembentukan Komuniti ASEAN yang merangkumi 3 tonggak, iaitu Komuniti Politik dan Keselamatan, Komuniti Ekonomi dan Komuniti Sosio-Budaya dapat dicapai dan diumumkan semasa Sidang Kemuncak ASEAN ke-27 yang akan diadakan pada bulan November 2015 di Kuala Lumpur, Malaysia. Pembentukan Komuniti ini adalah penting dalam memacu ASEAN ke arah sebuah pertubuhan antarabangsa yang dinamik dan berdaya saing.

2. Bagi mencapai Komuniti Ekonomi ASEAN, ASEAN telah menggubal sebuah Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN (*AEC Blueprint*) pada tahun 2007. Pelan Tindakan AEC ini menggariskan langkah-langkah yang perlu diambil oleh ASEAN untuk mencapai sasaran sepenuhnya pada tahun 2015 iaitu :

- (i) mewujudkan ASEAN sebagai sebuah pasaran tunggal dan pusat pengeluaran;
- (ii) menjadikan ASEAN sebagai kawasan ekonomi yang berdaya saing;
- (iii) menjadikan ASEAN sebagai kawasan pembangunan ekonomi yang saksama; dan
- (iv) memastikan ASEAN terus diintegrasikan dengan ekonomi global.

3. Pembentukan Komuniti Ekonomi ASEAN ini adalah penting bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi dan menarik pelaburan asing ke negara ASEAN. Selain itu, ia juga dapat melatih masyarakat ASEAN yang lebih berkemahiran dan berpengetahuan tinggi melalui pemindahan-pemindahan teknologi baru ke negara ASEAN.

4. Pelaksanaan langkah-langkah pembentukan Komuniti Ekonomi ASEAN ini telah memberi impak yang positif kepada semua golongan terutamanya komuniti perniagaan di rantau ASEAN. Impak positif ini termasuklah :

- (i) memudahkan rangkaian pengeluaran dan meningkatkan kapasiti ASEAN untuk menjadi pusat pengeluaran global melalui aliran bebas barangan, perkhidmatan dan pelaburan;
- (ii) mempertingkatkan ekonomi ASEAN secara keseluruhan, iaitu dari 2007 hingga 2014, ekonomi ASEAN telah mencatatkan pertumbuhan secara purata sebanyak 5.1 peratus;
- (iii) mempertingkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ASEAN. ASEAN merupakan ekonomi ke-7 terbesar di dunia dan dijangkakan bahawa KDNK ASEAN akan mencapai US\$4 trilion pada tahun 2020;
- (iv) mempertingkatkan KDNK per kapita ASEAN yang mana KDNK ASEAN pada tahun 2014 telah mencatatkan sehingga US\$4,000;

- (v) perdagangan luar ASEAN telah meningkat kepada US\$2.53 trilion dan perdagangan intra-ASEAN, US\$608 bilion atau 24 peratus daripada jumlah perdagangan ASEAN; dan
- (vi) kemasukan pelaburan asing sentiasa meningkat dan pada tahun 2014, jumlah pelaburan asing yang dicatatkan adalah US\$136 bilion dan melebihi kemasukan pelaburan asing ke China.

5. Pencapaian-pencapaian ini telah menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup di kalangan penduduk ASEAN serta mewujudkan kelas pertengahan yang lebih besar dengan anggaran sebanyak 120 juta orang. Selain itu, kemasukan pelaburan asing juga telah membuka lebih banyak peluang-peluang pekerjaan serta membolehkan ASEAN menarik lebih banyak teknologi-teknologi yang berintensifkan modal. Tenaga kerja mahir dan profesional juga dapat mengambil peluang untuk bekerja di negara-negara ASEAN yang lain.

6. Terdapat syarikat-syarikat ASEAN yang telah menjadi sebahagian daripada rantaian "*supply chain*" serantau dan global. Ini menunjukkan syarikat-syarikat ASEAN mempunyai potensi untuk terus berkembang dan menembusi pasaran yang lebih besar. Selain daripada itu, syarikat-syarikat asing juga terus melihat ASEAN sebagai rakan utama perdagangan dan pelaburan mereka.

7. Selaku Pengerusi ASEAN, Malaysia juga memberikan fokus khusus ke arah mempertingkatkan pembangunan keusahawanan terutamanya untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS). PKS merupakan tulang belakang kepada ekonomi ASEAN di mana lebih daripada 96 peratus daripada perniagaan ASEAN terdiri daripada sektor PKS. Pembangunan dan daya saing PKS adalah penting untuk memacu pertumbuhan ekonomi ASEAN secara mapan dan berterusan. Justeru itu, pembangunan PKS ASEAN perlu diperkukuh dan diberikan penekanan khusus.

8. Untuk menyokong usaha ini, ASEAN akan melancarkan sebuah Pelan Tindakan Pembangunan PKS, iaitu *ASEAN Strategic Action Plan for the SME Development 2016-2025*, yang menggariskan langkah-langkah untuk mengukuhkan PKS ASEAN supaya menjadi lebih berdaya saing dan inovatif di pasaran global. Pelan Tindakan ini dijangka akan dilancarkan pada Sidang Kemuncak ASEAN ke-27 pada November 2015.

9. Malaysia juga telah menganjurkan *ASEAN SME Showcase & Conference* di Kuala Lumpur pada 26-28 Mei 2015 bertujuan menggalakkan penyertaan syarikat-syarikat PKS di peringkat ASEAN. Sebanyak 575 syarikat telah mengambil bahagian di dalam ASEAN SME Showcase ini di mana 211 merupakan syarikat asing. Daripada 211 penyertaan syarikat, 116 adalah daripada negara-negara ASEAN. Menteri-Menteri dan Timbalan Menteri Ekonomi dari beberapa negara ASEAN telah turut hadir semasa ASEAN SME Showcase ini termasuklah dari Myanmar, Filipina, Singapura, Viet Nam dan Setiausaha Agong ASEAN.

10. Malaysia juga aktif di pasaran ASEAN serta turut mendapat faedah daripada integrasi ekonomi ASEAN. Sehingga kini, dianggarkan lebih daripada 1000 buah syarikat Malaysia di pasaran ASEAN. Antara syarikat-syarikat besar dan SME Malaysia sedang beroperasi di negara-negara ASEAN termasuklah AirAsia, Maybank, CIMB, RHB, UEM, BinaPuri, SimeDarby, Petronas, Secret Recipe, Marrybrown dan Ingress.

11. Jumlah perdagangan antara Malaysia dan negara-negara ASEAN juga meningkat sebanyak 3.82% kepada RM389.03 bilion pada tahun 2014. Eksport Malaysia ke pasaran ASEAN pada tahun 2014 pula meningkat sebanyak 5.8 peratus kepada RM213.58 bilion berbanding RM201.81 bilion pada tahun 2013.

Tuan Yang Dipertua,

12. Dalam usaha membangunkan PKS tempatan agar lebih bersedia dalam menerokai pasaran global, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) turut melaksanakan tiga (3) program utama pembangunan keusahawanan iaitu:

- (i) Program Pembangunan Vendor (PPV) yang bertujuan untuk membangunkan usahawan PKS menjadi pembekal dan pengilang komponen/perkhidmatan yang kompetitif bagi pasaran domestik dan global;
- (ii) Program Peningkatan Kualiti Produk dan Perkhidmatan (*Groom Big*) yang memberi fokus kepada pembangunan produk termasuk

penyelidikan dan pembangunan (R&D) bertujuan meningkatkan kualiti produk, optimisasi proses, pensijilan, pelabelan dan pembungkusan; dan

- (iii) Program Satu Daerah Satu Industri (SDSI) yang bertujuan memperkukuh aktiviti sosio-ekonomi masyarakat setempat dan seterusnya mencipta identiti sesebuah daerah melalui produk/perkhidmatan yang mempunyai nilai ekonomi serta boleh berdaya saing di pasaran domestik dan antarabangsa.

Tuan Yang Di Pertua,

13. Kerjasama antara industri automotif di kalangan negara-negara ASEAN bagi mengukuhkan kerjasama dalam pembangunan industri automotif serantau merupakan salah satu perkara yang sering dibincangkan, termasuk dalam pembangunan rangkaian bekalan komponen dan alat ganti, memudahcara perdagangan, pengiktirafan bersama melalui, dengan izin, *Mutual Recognition Arrangement (MRA)* dan sebagainya.

14. Namun demikian, pembangunan kereta ASEAN memerlukan perbincangan yang lebih terperinci dan menyeluruh sebelum ianya dapat dilaksanakan. Oleh yang demikian, pada masa ini pembangunan projek kereta ASEAN belum lagi dibincangkan secara kolektif oleh semua negara anggota ASEAN.

15. Untuk makluman, idea pembangunan kereta ASEAN ini juga pernah dibincangkan di antara Malaysia dan Indonesia. Kedua-dua negara melalui

PROTON dan PT. Adiperkasa Citra Lestari juga telahpun menandatangani perjanjian persefahaman pada 6 Februari 2015 untuk mengkaji dan menilai peluang kerjasama di dalam sektor pembuatan automotif di Indonesia. Langkah ini merupakan langkah pertama seumpunya di dalam kerjasama pembuatan automotif di peringkat ASEAN. Walau bagaimanapun, memandangkan kerjasama ini hanya melibatkan Malaysia dan Indonesia, maka gelaran 'Kereta ASEAN' ini telah digugurkan.